


Alkitab untuk Anak-anak memperkenalkan



Raja Yang Baik, Raja Yang Jahat



Allah menunjuk kepada Tuhan dalam Alkitab.

Penulis: Edward Hughes

Digambar oleh: Lazarus
Alastair Paterson

Disadur oleh: Ruth Klassen

Diterjemahkan oleh: Julie TY

Dihasilkan oleh: Bible for Children
www.M1914.org

©2024 Bible for Children, Inc.
Izin: Saudara mempunyai hak untuk membuat salinan atau
mencetak cerita ini selagi ia bukan dijual.

1


Ini adalah hari yang menyedihkan bagi Manasye. Ayahnya, Raja Hizkia baru saja meninggal. Sekarang, walaupun dia baru berumur dua belas tahun, Manasye harus menjadi raja atas umat Tuhan di Yehuda. Dia tidak tahu ketika itu, tetapi Manasye bakal menjadi raja selama 55 tahun. Manasye memerlukan pertolongan Tuhan untuk menjadi raja yang baik.



2


Tetapi Manasye menolak Tuhan dan melakukan hal-hal jahat. Manasye membangun altar-altar penyembahan berhala. Ia membuat patung dan menempatkannya di rumah Tuhan yang kudus! Tuhan sudah berfirman kepada

Musa, "Jangan membuat bagimu patung-patung. Jangan sujud menyembah kepadanya atau beribadah kepadanya."




3

Manasye mengamalkan ilmu hitam dan sihir. Dia memimpin pengikutnya menjauhi Tuhan. Raja bahkan membakar anak-anaknya sebagai korban kepada berhala. Ketidaktaatan Manasye menyebabkan Tuhan sangat marah.



4

Apabila umat-Nya tidak metaai-Nya, Allah mengizinkan mereka untuk dihukum. Itulah yang berlaku kepada Manasye dan rakyat yang diperintahnya. TUHAN mendatangkan tentera Asyur kepada mereka. Manasye dibawa pergi dengan rantai ke Babel.



5

Merasakan penderitaan di Babel, Manasye memohon kepada TUHAN, Allahnya. Dia merendahkan diri di hadapan Allah nenek moyangnya, dan berdoa kepada-Nya. Tidak

akan ada lagi penyembahan kepada berhala yang mati! Tetapi, apakah Tuhan yang hidup akan menjawab Manasye selepas semua kejahatannya?




6

Ya! Tuhan mendengar doa raja itu dan membawanya kembali ke Yerusalem, dan memulihkan kedudukannya sebagai raja. Dan Manasye mengakui bahwa TUHAN itu Allah.




7

Raja Manasye menjadi seorang raja yang baru. Dia mengeluarkan semua patung itu dari bait Tuhan dan mengumpulkan semua tuhan asing di Yerusalem. Dia membuang mereka semua. Dia memperbaiki mezbah TUHAN dan mempersembahkan korban syukur. Kemudian dia memerintahkan rakyatnya untuk melayani TUHAN Allah Israel. Betapa berubahnya Manasye!




8

Apabila Manasye mati, anaknya sendiri, Amon, kembali kepada penyembahan berhala. Tetapi dia tidak merendahkan diri di hadapan Tuhan seperti Manasye. Ketika Amon semakin berdosa, pegawai-pegawainya akhirnya membunuh dia, di rumahnya sendiri. Dia hanya memerintah selama dua tahun.



9

Raja berikutnya, Yosia, baru berusia lapan tahun. Dia memerintah selama 31 tahun dan melakukan apa yang benar di mata Tuhan. Dia memusnahkan semua penyembahan palsu dan semua tuhan palsu. Malah, Josiah meremukkan semua berhala hingga menjadi serbuk.



10

Raja Yosia yang baik juga membersihkan dan memperbaiki Rumah Tuhan. Di antara sampah itu seorang imam menjumpai Kitab Taurat TUHAN yang diberikan oleh Musa.



11

Saat sang raja mendengar perkataan Taurat itu, dia mengoyakkan pakaiannya. Yosia tahu betapa jahatnya nenek moyangnya dalam ketidaktaatan mereka kepada hukum Allah.




12

Seorang nabiah bernama Hulda menyampaikan pesan Tuhan kepada Yosia. "Beginilah firman TUHAN, 'Lihat, Aku akan mendatangkan segala kutuk dalam kitab itu ke atas tempat ini kerana mereka telah meninggalkan Aku.'" Tetapi kerana Yosia merendahkan hatinya dan taat, kutuk ini tidak akan terjadi sampai dia meninggal.




13

Tuhan menolong Yosia untuk memimpin umatnya kembali kepada TUHAN. Pada suatu hari, semasa memimpin tenteranya dalam pertempuran, Yosia telah cedera parah oleh seorang pemanah musuh. Orang-orangnya membawa dia pulang dengan kereta ke Yerusalem di mana dia mati. Seluruh rakyatnya berkabung, dan mengarang lagu tentang Raja Yosia yang baik.



14




Tidak lama kemudian, kerajaan itu berakhir. Tetapi suatu hari nanti, seorang raja akan memerintah lagi keatas Israel. Namanya ialah RAJA SEGALA RAJA, DAN TUHAN SEGALA TUHAN. Apabila Yesus Kristus datang pertama kali, Dia ditolak dan disalibkan. Apabila Yesus Kristus datang lagi, Dia bukan sahaja akan menjadi Raja atas Israel, tetapi atas seluruh bumi.

15


Raja Yang Baik, Raja Yang Jahat
satu cerita dari Firman Tuhan, Alkitab,
terdapat dalam
2 Tawarikh 33-36

"Bila tersingkap, firman-firman-Mu memberi terang, memberi pengertian kepada orang-orang bodoh." Mazmur 119:130

16



23



60

17

Alkitab memberitahu kita tentang Allah kita yang hebat yang membentuk kita dan ingin kita mengenali Dia.

Allah tahu kita telah melakukan banyak perkara buruk yang dipanggil dosa. Hukuman bagi dosa adalah maut tetapi Allah sangat mengasihinya kita. Dia telah mengutus AnakNya yang tunggal, Yesus, mati di kayu Salib dan dihukum kerana dosa-dosa kita. Kemudian Yesus bangkit dan hidup kembali; dan pulang ke syurga! Jika anda percaya kepada Yesus dan meminta Dia mengampuni dosa-dosa kamu, Dia akan melakukannya! Dia akan datang dan tinggal di dalammu sekarang, dan anda akan hidup bersamaNya untuk selama-lamanya.

Jika anda percaya ini adalah benar, katakan ini kepada Allah: Tuhan Yesus, saya percaya bahawa Anda adalah Allah, dan menjadi seorang manusia yang mati untuk dosa saya, dan kini Anda hidup sekali lagi. Sila datang ke dalam hidup saya dan mengampuni dosa saya, supaya saya dapat memiliki satu hidup baru, dan satu hari nanti akan ku bersama dengan Anda selama-lamanya. Bantu saya untuk mentaati Anda dan hidup sebagai anakMu. Amin.

Baca Alkitab dan berbicara dengan Allah setiap hari! Yohanes 3:16

18